



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Mohd Hafez Ripin. (2024). Pengaruh komunis di Daerah Sik dan Baling, Kedah, 1948-1989. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 2, 72-94. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2024.2.6>

PENGARUH KOMUNIS DI DAERAH SIK DAN BALING, KEDAH, 1948-1989

*(The Influence of Communism in the District of Sik and Baling,
Kedah, 1948-1989)*

¹Mohd Hafez Ripin

¹Sekolah Kebangsaan Taman Segar Jalan Manis, Taman Segar,
Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia

Corresponding author: hafezripin08@gmail.com

Received: 14/3/2024

Revised: 25/8/2024

Accepted: 4/9/2024

Published: 12/9/2024

ABSTRAK

Proklamasi Darurat di Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 menyaksikan gerakan Komunis, di bawah Parti Komunis Malaya (PKM), menjalankan operasi bersenjata dan aktiviti subversif di seluruh Semenanjung Malaysia, termasuk di negeri Kedah. Di negeri Kedah, daerah Sik dan Baling telah berhadapan dengan ancaman komunis yang dianggap sebagai ancaman terhadap keselamatan dan telah mencipta suasana panik dalam kalangan penduduk pada tempoh tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh komunis di daerah Sik dan Baling, Kedah, dari tahun 1948 hingga 1989. Objektif utama kajian ini adalah mengkaji pengaruh komunis di daerah Sik dan Baling dalam tempoh tersebut. Skop kajian ini tertumpu sepenuhnya kepada aktiviti komunis di daerah Sik dan Baling tanpa merangkumi kawasan lain dalam negeri Kedah. Tempoh kajian ini meliputi tahun 1948 hingga 1989, dipilih

kerana proklamasi darurat pada tahun 1948 dan penandatanganan Perjanjian Damai Hatyai pada tahun 1989. Kajian ini menggunakan metodologi sejarah yang melibatkan pelbagai tindakan seperti heuristik, kritikan, analisis, dan historiografi. Sumber dan bahan kajian diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Cawangan Kedah/Perlis Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Awam negeri Kedah, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan banyak lagi. Hasil kajian menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia berjaya mengendalikan ancaman komunis di kedua-dua daerah tersebut. Kejayaan ini diperkuat oleh perjanjian damai pada 2 Disember 1989 antara Komunis, Kerajaan Malaysia, dan Thailand, yang menyaksikan komunis bersetuju untuk menghentikan perjuangan bersenjata yang berlangsung selama 41 tahun. Peristiwa bersejarah ini memberikan keyakinan kepada rakyat tentang kemampuan kerajaan untuk melindungi keselamatan mereka dan memperkuat kepercayaan serta kesetiaan mereka kepada kerajaan.

Kata kunci: Komunis, Kedah, Sik, Baling, Persekutuan Tanah Melayu, Malaysia

ABSTRACT

The Proclamation of Emergency in the Federation of Malaya in 1948 witnessed the Communist movement, led by the Malayan Communist Party (PKM), actively engaging in armed operations and subversive activities across the entire Malay Peninsula, including the state of Kedah. In Kedah, the districts of Sik and Baling faced the Communist threat, which was perceived as a significant threat to security, leading to a sense of panic among the local population during that period. Consequently, this study aims to examine the influence of Communism in the Sik and Baling districts of Kedah from 1948 to 1989. The primary objective of this study is to assess the impact of Communism in the Sik and Baling districts during this period. The scope of this research exclusively focuses on Communist activities in these districts, excluding other areas within Kedah. The chosen time frame spans from 1948 to 1989, a selection driven by the proclamation of the emergency in 1948 and the signing of the Hatyai Peace Agreement in 1989. This study employs a historical methodology involving various actions such as heuristics, criticism, analysis, and historiography. Research materials and sources were obtained from the National Archives of Malaysia, the Kedah/Perlis branch of the National Archives of Malaysia, the State Public Library of Kedah, the Main Library of the University of Malaya, the Tun Sri Lanang Library, the National University of Malaysia, and others. The study's findings indicate that the Malaysian government successfully managed the Communist threat in both districts. This success was further reinforced by the historic peace agreement on December 2, 1989, between the Communists, the Malaysian government, and Thailand, which led to the Communists agreeing to cease their armed struggle that had lasted for 41 years. This historic event instilled confidence in the people regarding the government's ability to protect their safety and strengthened their trust and loyalty to the government.

Keywords: Communism, Kedah, Sik, Baling, Federation of Malaya, Malaysia

PENGENALAN

Ideologi komunis telah menyusup ke Tanah Melayu sekitar tahun 1920-an lagi. Penyusupan ideologi komunis ini boleh dikelaskan kepada dua organisasi komunis yang berlainan tetapi memiliki matlamat yang sama iaitu ingin menyebarkan dakwah Komunisme dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu serta mengusir penjajah British bagi mendirikan sebuah negara komunis di Tanah Melayu (Ling, 2015). Kedua-dua organisasi komunis tersebut ialah Parti Komunis China (PKC) dan juga Parti Komunis Indonesia (PKI). Penyebaran fahaman komunis yang dibawa oleh PKC adalah melalui ejen-ejennya yang berselindung di sebalik cawangan-cawangan Parti Kuomintang (KMT) yang telah beroperasi di Tanah Melayu (Ling, 2015). Penyatuan KMT-PKC dalam Barisan Bersatu (*United Front*) di negara China telah memberi akses kepada PKC untuk menyusupkan ejen-ejennya bebas ke dalam cawangan-cawangan parti KMT yang telah bertapak di Tanah Melayu dan Singapura (Gungwu, 1970). Sekitar tahun 1924, cawangan KMT telah wujud 74 cabang di setiap negeri di pantai barat Tanah Melayu termasuklah Singapura (Ling, 2012). Di negeri Kedah, KMT telah memiliki sebuah cawangan yang berpusat di bandar Sungai Petani serta lima buah ranting parti di bandar-bandar yang dihuni oleh ramai orang Cina. Dengan wujudnya cawangan serta ranting-ranting KMT di tempat-tempat tersebut, secara tidak langsung ia turut memberi makna bahawa terdapatnya pertapakan dan penyebaran ideologi komunis di tempat-tempat berkenaan pada masa yang sama (Ling, 2004).

Pada awal bulan Mei 1926 apabila Boedisoewitro dan Sutan Perpatih telah berkunjung ke Seberang Perai dan cuba menubuhkan sebuah kelab sosial di sana dengan kebanyakan ahlinya terdiri daripada orang Jawa dan Sumatera. Mereka juga telah melawat negeri Kedah dan Perak Utara dengan diiringi oleh seorang individu iaitu Abdul Halim yang merupakan seorang syekh haji dari Pulau Pinang. Mereka cuba mendapatkan seberapa ramai penyokong yang boleh di samping menyebarkan ideologi komunis dan mengutip derma untuk parti (Ling, 2015).

Namun begitu, PKN (Parti Komunis Nanyang) dan PKI tidak begitu berjaya dalam misi mengkoordinasikan pergerakan komunis di Asia Tenggara amnya dan di Tanah Melayu serta Singapura khususnya. Justeru dalam Persidangan Perwakilan Ketiga di Singapura yang diadakan antara wakil-wakil komunis di Tanah Melayu dan Singapura dengan wakil-wakil Comintern yang dihantar oleh pihak Soviet Union, Comintern telah memutuskan untuk membubarkan PKN dan menubuhkan Parti Komunis Malaya (PKM) bagi menggantikannya (Hamzah, 1973). Bertitik tolak daripada itu, PKM akhirnya telah ditubuhkan secara rasmi pada bulan April 1930 dengan beribu pejabat di Singapura dan diletakkan di bawah arahan kerja dari Shanghai oleh Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKC. Sejak penubuhannya, PKM telah berjaya menyelaraskan pergerakan komunis di Tanah Melayu dengan rancak dan teratur. Matlamat utama PKM yang merupakan organisasi induk komunis di Tanah Melayu ialah untuk menguasai Tanah Melayu daripada tangan British bagi menubuhkan sebuah negara komunis di Tanah Melayu yang bernama Republik Komunis Malaya (Yong, 1991). Serangan Jepun ke atas Tanah Melayu pada tanggal 8 Disember 1941 akhirnya telah membawa rahmat kepada PKM.

Walaupun pada awalnya pihak British melalui Gabenor Shenton Thomas enggan menerima tawaran PKM untuk bersama-sama menghadapi serangan Jepun, akan tetapi pada 18 Disember 1941 ketika Singapura diambang kejatuhan, British akhirnya terpaksa menerima tawaran PKM

tersebut. Walau bagaimanapun, British telah menegaskan bahawa penerimaan tawaran untuk bekerjasama dengan PKM hanyalah terbatas pada kerjasama ketenteraan untuk menentang Jepun sahaja dan bukannya bermaksud kerjasama yang bersifat politik (Hack, 2013). Namun begitu, sebagai menepati salah satu syarat kerjasama tersebut, British terpaksa membebaskan lebih 200 orang anggota komunis dan tahanan politik dari Penjara Changi, Singapura dengan kadar segera. British juga telah menubuhkan Sekolah Khas 101 (*Special School 101*) di Singapura bagi melatih kader-kader PKM dan belia-belia Cina dengan taktik perang gerila serta penggunaan senjata api bagi menghadapi Jepun. Kader-kader PKM lepasan Sekolah Khas 101 yang berjumlah 3 platon inilah yang akhirnya menjadi nukleus kepada pembentukan Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya/ *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA), Rejimen Bebas Pertama/*First Independent Regiment* yang kelak akan beroperasi di sekitar negeri Selangor (Abdullah, 2014). MPAJA seterusnya berperanan sebagai sayap ketenteraan rasmi PKM dan berada di bawah arahan Jawatankuasa Pusat PKM (Politburo) secara langsung. MPAJA telah menerima bantuan berupa senjata dan peluru, ubat-ubatan, bekalan makanan, wang, dan maklumat daripada pihak British yang digugurkan melalui udara (Kheng 2012). Antara tugas pertama MPAJA dalam menentang Jepun ialah MPAJA telah diarahkan supaya menyerang dan mensabotaj laluan logistik pihak Jepun di Gurun, Kedah (Ahmad, 2008).

Di negeri Kedah, MPAJA telah menubuhkan Rejimen Bebas Ke-8 yang aktif beroperasi di sekitar wilayah Kedah Utara yang bersempadanan dengan negara Thailand. Terdapat sepasukan gerila MPAJA yang digelar “Pasukan Gerila Bersenapang Tiga Laras Setengah” telah bergiat aktif dalam melakukan kerja-kerja sabotaj terhadap lombong-lombong milik syarikat Jepun, menyerang balai polis bagi mendapatkan bekalan senapang dan peluru, serta memburu dan membasmi kempetai iaitu pasukan polis tentera Jepun yang terdiri daripada penduduk tempatan. Kejayaan terbesar kumpulan ini dalam menjalankan kegiatan anti-Jepun ialah peristiwa serangan ke atas Balai Polis Asun pada awal tahun 1944 dan juga peristiwa Pertempuran Jalan Baru di mana kumpulan ini telah melakukan serang hendap ke atas konvoi Jepun dan berjaya membunuh serta mencederakan 40 orang musuh sebelum melarikan diri semula ke dalam hutan. Kumpulan gerila MPAJA wilayah Kedah Utara ini juga memiliki hubungan dengan Pasukan Sukarela Anti-Jepun di Selatan Thailand dan melalui kerjasama ini, mereka telah berjaya menyerang dan memusnahkan pangkalan tentera Jepun di Sadao serta balai polis di Kubu, Selatan Thailand (Hack, 2008).

Rejimen ini telah menjalin kerjasama dengan pasukan Force 136 British. Menjelang kekalahan Jepun, Rejimen Bebas Ke-8 telah menukarkan namanya kepada Tentera Pembebasan Rakyat Kedah tetapi telah mendapat bantahan yang keras daripada pihak British. Hal ini menyebabkan Suruhanjaya Ketenteraan Pusat PKM telah mengubah namanya kembali kepada Rejimen Bebas Ke-8 Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya. Jawatan Ketua Rejimen telah diserahkan kepada He Xiao Li, manakala timbalannya pula ialah Chang Chaing Mei dan Pai Se Mu. Rejimen ini memiliki 4 buah kompeni terbuka yang dianggotai 1500 orang gerila dan 500 orang perajurit bersara (The, 1996).

Setelah empayar Jepun di bawah Maharaja Hirohito menyerah kalah secara rasmi tanpa syarat kepada Kuasa Berikat yang diketuai oleh Amerika Syarikat pada tanggal 15 Ogos 1945, di Tanah Melayu telah berlaku suatu keadaan kekosongan politik di mana tiada satu pun kuasa atau kumpulan yang benar-benar berkuasa dan berpengaruh untuk membentuk sebuah kerajaan yang kukuh bagi mengisi kekosongan politik yang ditinggalkan oleh pasukan tentera

Jepun yang telah menyerah kalah (Wetzler, 1998). Pihak British pula masih lagi belum mendarat dan menguasai semula Tanah Melayu dan Singapura secara sepenuhnya kerana tidak menjangkakan pihak Jepun akan menyerah kalah dalam waktu yang begitu singkat setelah Hiroshima dan Nagasaki diledakan dengan bom atom oleh Amerika Syarikat (Selden & Selden, 2015).

Semasa tempoh berlakunya kekosongan politik inilah PKM dan MPAJA telah keluar dari hutan lalu menguasai kampung, pekan, dan bandar di sesetengah negeri di Tanah Melayu. Di negeri Kedah pula PKM dan MPAJA cuba menguasai bandar Alor Setar, Kulim, dan Sungai Petani. Dalam tempoh lebih kurang dua minggu selepas penyerahan kalah Jepun sebelum ketibaan tentera British bagi melaksanakan Pentadbiran Tentera British/*British Military Administration*, 76embal 70 peratus tempat-tempat terbabit telah dikuasai oleh PKM serta gerila MPAJA dan sebuah pemerintahan ala rejim komunis telah dilaksanakan oleh mereka (Ling, 2023).

Sekembalinya British ke Tanah Melayu, mereka menghadapi situasi yang kacau bilau akibat keganasan PKM dan MPAJA serta ketegangan antara kaum. Untuk memulihkan keamanan, British mengambil langkah dengan membubarkan MPAJA dan mengumpulkan senjata dari mereka. PKM tetap memiliki pasukan bersenjata yang disembunyikan di hutan sebagai persiapan untuk melawan British. Setelah pembubaran MPAJA, PKM membentuk Persatuan Bekas Tentera Anti-Jepun Rakyat Tanah Melayu untuk menyatukan bekas gerila. Namun, sebenarnya mereka disiapkan untuk tetap berada di bawah kendali PKM dan bersedia untuk melawan British di masa yang akan datang. British juga memperkenalkan Malayan Union, yang menjadi sasaran PKM yang berusaha menguasai politik melalui saluran pekerja dan pertubuhan politik. Setelah usaha politik gagal, PKM kembali ke aktiviti militan dan melepaskan pemberontakan bersenjata pada tahun 1948, menyebabkan Deklarasi Darurat di Persekutuan Tanah Melayu diperkenalkan pada tahun 1948 (Ismail & Zakariah, 2023). Daerah Sik dan Baling, Kedah berdepan dengan ancaman komunis yang dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan dan mencetuskan ketakutan dalam kalangan penduduk pada tempoh tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh komunis di daerah Sik dan Baling, Kedah, dari tahun 1948 hingga 1989.

KEGIATAN PKM DI DAERAH SIK DAN BALING PADA ZAMAN DARURAT SEHINGGA PERJANJIAN DAMAI HATYAI, 1948-1989

Pada tanggal 16 Jun 1948, Sir Edward Gent iaitu Persuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu telah mengisytiharkan darurat bagi seluruh Tanah Melayu menerusi kuat kuasa undang-undang BMA (*Essential Regulation Proclamation*). Akan tetapi, undang-undang tersebut kemudiannya dimansuhkan berikutan penguatkuasaan Rang Undang-Undang Peraturan Darurat (*Emergency Regulation Bill*) yang diluluskan oleh Sidang Majlis Perundangan (*Legislative Council*) pada 76embal 5 Julai 1948 (Asli, 2008). Dengan pengisytiharan darurat tersebut, maka daerah Sik dan Baling juga turut menjalani pemerintahan darurat seperti daerah-daerah lain di seluruh Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, tidak seperti di tempat lain yang penuh diwarnai oleh aktiviti keganasan komunis pada awal masa darurat, di daerah Sik dan Baling kejadian-kejadian serangan atau keganasan komunis agak kurang. Hal ini mungkin kerana kedudukan kedua-dua buah daerah

ini yang agak jauh ke utara Tanah Melayu serta tiada sumber ekonomi yang benar-benar memberi sumbangan terhadap kewangan British seperti lombong bijih timah dan ladang-ladang getah yang besar telah menyebabkan komunis kurang memberi tumpuan serta melakukan keganasan di kedua-dua daerah ini (Asli, 2008). Hal ini kerana antara strategi utama komunis untuk melemahkan kedudukan British di Tanah Melayu adalah dengan menyerang dan memusnahkan sumber ekonomi utama Tanah Melayu pada masa tersebut iaitu bijih timah dan getah.

Namun begitu, selepas peristiwa *Long March* saki baki anggota dan gerila PKM ke utara pada bulan April hingga Mei 1953, kedua-dua daerah ini mula menerima peningkatan ancaman komunis. Sering berlaku pertembungan antara penduduk kampung yang memasuki hutan bagi memungut hasil hutan dengan gerila komunis (Kadir bin Che Hid @ Tok Che 24 Januari 2016: Abdul Kassim bin Salleh 26 Januari 2016). Walau bagaimanapun, secara umumnya tidak terdapat serangan yang benar-benar mengancam kententeraman awam di kedua-dua buah daerah tersebut kerana pada masa tersebut PKM yang baru sahaja selesai melakukan pengunduran strategik dari Mentakab, Pahang ke Batung di Selatan Thailand. Jawatankuasa Pusat PKM pada masa tersebut telah mengeluarkan arahan agar menghadkan pertembungan antara anggotanya dengan pasukan keselamatan agar saki baki gerila PKM yang masih ada dapat diselamatkan dan akan dipergunakan untuk kembali melakukan pemberontakan pada masa yang sesuai (Lucian, 2015). Pada masa tersebut, PKM di Selatan Thailand sedang mengalami fasa pemulihan dan pengrekrutan semula ahli parti baru. Oleh itu, pada tempoh masa tersebut ancaman keganasan yang agak nyata daripada komunis di kawasan petempatan di kedua-dua buah daerah agak kurang berlaku.

Jadual 1

Jumlah Kejadian Keganasan Komunis di Negeri Kedah, 1948-1949

Tahun	1948		1949	Jumlah Kes
Bulan	Jul - Dis	Jan - Jun	Jul - Nov	
Kes Keganasan Komunis	69	45	28	142

Sumber: CO 825/74/4/55404/3, Ho Hui Ling, *Pergerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya 1968-1989, Kebangkitan Semula dan Penumpasannya*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015, hlm. 18

KONGSI GELAP CINA DAN PERKAITANNYA DENGAN KOMUNIS

Pada masa yang sama, komunis juga dipercayai turut menjalinkan hubungan dengan kongsi gelap-kongsi gelap Cina yang telah wujud pada masa tersebut. Hal ini kerana kongsi gelap juga merupakan sebuah organisasi yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat dan seandainya komunis berjaya menguasai kumpulan-kumpulan kongsi gelap tempatan, secara tidak langsung tugasnya untuk menguasai masyarakat menjadi semakin mudah. Hubungan antara kongsi gelap dan komunis pernah disebut oleh Wilfried Blythe dalam bukunya yang

bertajuk “*The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*”. Hubungan ini digelarinya sebagai ‘Persekutuan Triad-MCP’ (Blythe, 1969).


At the end of the year there was a report of the formation of a new Triad Society in Baling Action against the Malay Gang continued in 1958 at Alor Star, Gurun, and Baling. Convictions were obtained against some of leaders for theft, attempted extortion, and possession of offensive weapons (Blythe, 1969).”

SERANGAN BERSENJATA TERHADAP PASUKAN KESELAMATAN

Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermakna bahawa kedua-dua buah daerah ini terlepas daripada ancaman serangan PKM. Antara serangan terawal PKM yang pernah dicatatkan di kedua-dua buah daerah ini berlaku pada tanggal 20 Julai 1979. Walaupun darurat telah ditamatkan sejak tahun 1960 lagi, tetapi komunis yang bersembunyi di Selatan Thailand masih lagi belum menyerah kalah dan ancaman daripada mereka masih lagi wujud. Buktinya, pada pagi hari tersebut telah berlaku satu serang hendap yang dilakukan oleh sekumpulan pengganas komunis dipercayai seramai 20 orang terhadap sebuah konvoi tentera yang ingin menghantar pesakit dari Baling ke Kroh. Konvoi tersebut yang mengandungi sebuah ambulan membawa pesakit, sebuah trak tiga tan, dua buah Land Rover, dan dua buah kereta perisai V-150 Commando dari unit Bravo Skuadron, 2 Rejimen Peninjau telah diserang dengan senjata anti-tank, rifle automatik, dan bom tangan di Batu 54, Jalan Kroh-Baling. Dalam serangan tersebut, tiga orang anggota tentera dari Rejimen Peninjau yang menaiki kereta perisai telah terkorban akibat ditembak oleh senjata anti-tank (Portal Rasmi Muzium Tentera Darat Port Dickson, 17 Januari 2016).

Gambar 1

Monumen Koh-Bailing



Pada tanggal 14 Mac 1981 pula, seramai 38 orang pengganas komunis telah menyerang hendap sepasukan sembilan orang tentera dari Batilion 22 Rejimen Askar Melayu Diraja. Askar-askar tersebut sedang dalam perjalanan untuk mengambil bekalan di Ulu Legong, Baling. Dalam serangan hendap tersebut, pengganas komunis telah berjaya membunuh tujuh orang askar dan dua orang lagi yang terselamat telah mengalami cedera parah. Selain itu, terdapat banyak lagi serangan yang dilakukan oleh pengganas komunis terhadap pasukan keselamatan seperti serangan pada 4 Januari 1981 dan serangan pada 29 Oktober 1981 (Portal Rasmi Majlis Daerah Baling, 6 Disember 2015).

Serangan demi serangan yang dilakukan oleh pengganas komunis selepas tamatnya darurat membuktikan bahawa komunis masih lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Hal ini kerana walaupun di tempat lain sudah mulai aman daripada ancaman komunis, tetapi di daerah Sik dan Baling pola ancaman serang hendap komunis ini semakin meningkat. Serangan yang dilakukan terhadap pasukan keselamatan ini membuktikan bahawa PKM masih lagi memiliki bisa dan mampu melakukan keganasan pada bila-bila masa sahaja walaupun pada hakikatnya kedudukan mereka semakin lemah akibat daripada operasi pasukan keselamatan dan juga akibat daripada perpecahan dalaman organisasi itu sendiri.

PERAS UGUT DAN PENGUTIPAN CUKAI KEPALA

Selain daripada melakukan serangan terhadap pasukan keselamatan, PKM juga turut melakukan peras ugut terhadap penduduk tempatan di kedua-dua buah daerah tersebut. Tali barut-tali barut PKM di bawah unit massanya iaitu unit Min Yuen seringkali menyusup ke dalam kalangan masyarakat bagi mendapatkan bekalan makanan dan ubat-ubatan, maklumat mengenai pergerakan pasukan keselamatan, mengutip wang perlindungan yang disebut sebagai “cukai kepala”, dan menyebarkan propaganda-propaganda berbaur komunis dan revolusi. Sebenarnya, unit Min Yuen ini telah wujud sejak dari zaman penjajahan Jepun lagi. Hal ini kerana PKM melalui MPAJA yang bertempur secara gerila di dalam hutan amat memerlukan bantuan dan sokongan daripada orang awam bagi mendapatkan bekalan. Oleh itu, Min Yuen diwujudkan sebagai barisan ataupun unit massa PKM yang bercampur baur dan tinggal dalam kalangan masyarakat tempatan. Aktiviti Min Yuen ini semakin diperhebatkan lagi semasa darurat dan setelah pengunduran strategik PKM ke utara pada tahun 1953 (Teck Kian, 2016).

Di daerah Sik, tali barut komunis ataupun Min Yuen ini terdiri daripada orang Cina tempatan sendiri. Terdapat juga orang Melayu yang menjadi tali barut komunis tetapi mereka bukanlah orang tempatan sebaliknya merupakan orang Melayu Patani dari Selatan Thailand. Mereka sering melakukan peras ugut terhadap orang-orang Cina yang tinggal di luar pekan dan jauh daripada masyarakat Cina. Hal ini kerana pada masa tersebut seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, terdapat orang Cina yang tinggal di kawasan kebun getah dan kebun sayur milik mereka sendiri. Oleh itu, mereka sering dijadikan sasaran oleh Min Yuen untuk mendapatkan wang ugutan. Setiap keluarga wajib membayar sebayak \$25.00 sebulan kepada Min Yuen jika ingin hidup dalam keadaan selamat. Seandainya sesebuah keluarga itu tidak mampu untuk membayar wang dalam jumlah tersebut, keluarga tersebut perlu menyerahkan sama ada beras ataupun haiwan ternakan seperti ayam atau itik yang setimpal dengan nilai wang tersebut. Wang ataupun bahan makanan yang ingin diserahkan itu perlu dibawa oleh ketua keluarga

terbabit ke sebuah tempat yang telah diberi tahu oleh anggota Min Yuen dua atau tiga hari sebelumnya. Tempat serahan tersebut kebiasaannya adalah di dalam kawasan kebun getah yang berhampiran dengan kawasan hutan. Anggota Min Yuen akan menandakan kawasan pertemuan dengan ranting pokok dalam keadaan bersilang ataupun dengan menetak pangkal pokok besar dengan simbol pangkah. Kemudian anggota Min Yuen akan menunggu di dalam semak berhampiran dan hanya akan keluar selepas individu yang membawa wang atau bahan makanan itu sampai. Waktu pertemuan kebiasaannya adalah pada waktu awal pagi sewaktu penduduk kampung mula keluar untuk menorah getah (Ah Que, 2015).

Kadangkala, bagi mengelakkan aktiviti tersebut dihidu oleh pihak keselamatan, Min Yuen mengubah taktiknya dengan mengarahkan individu yang membawa wang cukai kepala itu meninggalkan wang miliknya di dalam pot getah pada pokok getah yang berada berhampiran dengan kawasan belukar. Pokok getah yang dipilih untuk diletakkan wang tersebut akan ditanda terlebih dahulu oleh anggota Min Yuen dengan menterbalikan pot getah tersebut ke bawah dan pada pangkal pokok tersebut akan dipaku sebagai tanda. Anggota Min Yuen tersebut tidak menunggu di situ sebaliknya hanya akan datang mengambil wang tersebut pada masa yang dirasakannya selamat (Ah Que, 2015).

Walau bagaimanapun, sekiranya wang yang diterimanya tidak mencukupi, individu terbabit dan keluarganya akan diancam dengan kekerasan sama ada rumahnya dibakar ataupun haiwan-haiwan ternakan miliknya seperti ayam, itik, dan babi akan dirampas. Namun begitu, belum pernah terjadi lagi peristiwa komunis membunuh ataupun menembak penduduk yang enggan membayar wang cukai kepala kepadanya. Hal ini mungkin kerana komunis sedar bahawa hanya dengan gertakan dan ugutan sahaja sudah memadai bagi mereka untuk menakutkan penduduk dan seandainya mereka mencederakan ataupun membunuh orang awam, perkara ini sudah tentu akan menarik perhatian pihak keselamatan untuk datang memburu mereka (Ah Que, 2015).

Bagi orang Cina yang tinggal di kawasan pekan pula, Min Yuen akan datang dan memungut cukai kepala daripada mereka pada setiap awal bulan. Mereka yang memiliki perniagaan sendiri perlu membayar lebih agar perniagaan mereka tidak diganggu. Walau bagaimanapun, kedai-kedai ubat Cina tidak perlu membayar wang perlindungan tetapi perlu membekalkan herba perubatan dan kain pembalut luka kepada Min Yuen. Begitu juga dengan pemilik kedai runcit. Mereka hanya perlu membekalkan beras, ikan kering, minyak tanah, dan lain-lain keperluan dalam jumlah yang telah ditetapkan oleh Min Yuen. Pernah terjadi peristiwa seorang peniaga runcit berbangsa Cina di Pekan Baling enggan memberi kerjasama seperti yang diminta oleh Min Yuen, malahan juga mengugut untuk melaporkan perihal tersebut kepada pihak keselamatan. Kesannya, pada keesokan harinya, kedai runcit miliknya telah dibakar bersama-sama barangan di dalamnya dan disyaki pelakunya ialah anasir komunis. Walau bagaimanapun, tiada laporan polis dilakukan kerana dikhuatiri komunis akan kembali membalas dendam (Huang Siong Feng, 2015).

Di samping orang Cina, orang Melayu juga turut tidak terlepas daripada menjadi mangsa ugutan dan peras ugut komunis. Komunis melalui tali barutnya yang menyertai Min Yuen seringkali menyasarkan orang Melayu dan Siam yang agak berada sebagai mangsa peras ugutnya. Sebagai contoh, rumah Haji Latiff bin Lebai Omar merupakan seorang yang agak berada dalam kalangan penduduk di Kampung Joget, Sik, pernah dikepung dan dipecah masuk oleh segerombolan 12 orang pengganas komunis yang bersenjata senapang dan parang

kerana beliau enggan melayan tuntutan komunis untuk membayar cukai kepala dan membekalkan barang makanan kepada mereka. Walau bagaimanapun, disebabkan kejadian tersebut disedari oleh orang-orang kampung yang kemudiannya datang beramai-ramai untuk membantu beliau, gerombolan pengganas komunis tersebut terpaksa berundur kembali ke dalam hutan. Namun begitu, kejadian tersebut juga disenyapkan begitu sahaja oleh orang kampung kerana bimbangkan balasan daripada komunis seperti yang berlaku di tempat-tempat lain (Ismail, 2016).

PENCULIKAN DAN PENYIKSAAN

Bagi memastikan segala aktiviti mereka tidak terbongkar, PKM juga turut melakukan aktiviti penculikan dan penyiksaan terhadap individu-individu yang disyaki sebagai ejen kerajaan. Penculikan yang dilakukan oleh PKM ini ditujukan terhadap individu-individu yang disyaknya tanpa mengira bangsa. Kebiasaannya, mereka yang akan diculik ini akan diintip terlebih dahulu oleh tali barut-tali barut komunis dari Min Yuen. Kadangkala, tali barut-tali barut komunis ini hanya melakukan tangkapan bersifat serkap jarang sahaja apabila individu tersebut akan diculik terlebih dahulu sebelum disoal siasat sama ada dia merupakan ejen kerajaan ataupun tidak. Seringkali terjadi penganiayaan terhadap orang awam yang tidak bersalah hanya kerana dia disyaki sebagai ejen kerajaan. Selepas melakukan penculikan, anggota komunis kebiasaannya akan melakukan pelbagai jenis penyiksaan yang amat kejam terhadap individu yang disyaknya. Siksaan-siksaan yang dilakukan itu boleh membawa maut kerana ianya dilakukan secara berterusan sehingga individu terbabit mengaku dia merupakan ejen kerajaan walaupun pada hakikatnya dia bukanlah ejen kerajaan dan dia terpaksa mengaku kerana tidak tahan mengalami seksaan tersebut (Teck Kian, 2016).

Sebagai contoh, peristiwa penculikan Cheng Yi Lai di Pekan Parit Panjang pada tahun 1958 dari rumahnya sendiri pada waktu malam oleh komunis. Dia ditangkap dan diculik ketika sedang makan malam bersama keluarganya oleh segerombolan komunis yang memecah masuk dan menyerbu kediaman keluarganya. Tidak diketahui motif penculikannya tetapi tiga hari selepas itu, mayatnya ditemui dengan penuh kesan penderaan dan lecuran di bahagian badan dan muka di sebuah kebun getah terpencil di Kampung Tembak. Dipercayai dia telah difitnah oleh tali barut komunis sebagai ejen kerajaan (Cheng Hao Yi, 2015).

Terdapat pelbagai bentuk siksaan yang dilakukan oleh anggota komunis terhadap mangsa-mangsanya. Antaranya ialah melecurkan kulit tubuh badan mangsa menggunakan puting rokok, lilin, ataupun besi yang telah dipanaskan sehingga bewarna merah. Anggota tubuh yang sering menjadi sasaran untuk dilecurkan ialah lubang hidung, telinga, pusat, kemaluan, buah dada, dan juga di kawasan muka. Kebiasaannya, mangsa yang akan disiksa sebegini akan digantung terlebih dahulu dengan kedua-dua belah tangan akan didepangkan serta diikat agar mangsa tidak dapat bergerak sewaktu disiksa (Teck Kian, 2016).

Selain itu, kaedah seksaan yang turut digunakan ialah dengan memaksa mangsa berlutut di atas batu kerikil yang tajam ataupun kayu berbentuk segi tiga selama berjam-jam sehingga mangsa berasa lenguh dan amat terseksa. Mangsa juga akan diikat kedua-dua tangannya ke belakang, kemudian diletakkan kayu pada lipatan lututnya sebelum bahunya akan ditekan sekuat-kuatnya dari bahagian atas. Kesannya, tempurung lutut mangsa akan terlucut daripada tempat asalnya sehingga mangsa akan menjadi tempang buat seumur hidupnya (Teck Kian,

2016). Disamping itu, terdapat juga pelbagai bentuk seksaan kejam lain seperti disebat dengan cemeti atau tali jerat lembu, ditinju dalam keadaan tangan diikat ke atas, dicabut kuku, dan dilemaskan dalam air (Asli, 2008).

Perbuatan menculik dan menyiksa orang awam yang disyaki sebagai ejen kerajaan membuktikan bahawa PKM amat paranoid dan takut dengan bayang-bayang mereka sendiri. Perkara ini terjadi berikutan pelbagai operasi pasukan keselamatan telah berjaya menemui dan memusnahkan kem-kem, tempat simpanan senjata, dan makanan milik mereka. Hal ini ditambahkan lagi dengan krisis dalaman PKM itu sendiri yang akhirnya membawa kepada pepecahan parti akibat daripada penyusupan ejen-ejen kerajaan ke dalam unit-unit tentera dan rejimen PKM itu sendiri. Malangnya, akibat daripada ketakutan terhadap bayang-bayang mereka sendiri, ramai orang awam menjadi mangsa kekejamannya walaupun belum terbukti bahawa mangsanya itu merupakan ejen kerajaan yang sebenar (Asli, 2008).

PENYEBARAN PROPAGANDA KOMUNIS DAN REVOLUSI

PKM juga turut cuba mencetuskan kekacauan dan seterusnya membawa kepada revolusi rakyat untuk menentang kerajaan secara besar-besaran melalui penyebaran propaganda-propaganda berunsurkan komunis dan revolusi. Mereka telah memberi ucapan dan ceramah kepada orang awam dengan menabur pelbagai fitnah kepada kerajaan supaya timbul perasaan tidak puas hati serta benci terhadap kerajaan. Hal ini kerana PKM menyedari bahawa dengan menggunakan propaganda, mereka mampu untuk menguasai pemikiran orang ramai agar membenci kerajaan serta melihat komunis sebagai penyelamat mereka daripada kezaliman pihak kerajaan. Apabila rakyat telah bangkit secara besar-besaran untuk menentang kerajaan, komunis boleh mengambil kesempatan untuk berlagak sebagai hero rakyat dan secara tidak langsung peluang PKM untuk menguasai negara ini akan terbuka luas (Ling, 2015).

Di daerah Sik dan Baling, PKM turut menggunakan strategi ini bagi menarik sokongan rakyat terhadapnya. Terbukti bahawa strategi ini ternyata memberi impak yang agak positif apabila PKM melalui Persatuan Bahasa Tionghua Universiti Malaya (PBTUM) yang dikuasainya berjaya mempengaruhi sebahagian penduduk Baling untuk mengadakan demonstrasi menentang kerajaan. Pada tanggal 19 hingga 20 November 1974, lebih 10,000 orang penduduk Kampung Weng di Baling telah berarak di jalan raya sambil meminta makanan daripada pihak berkuasa daerah. Pada tanggal 21 November 1974, sekali lagi tunjuk perasaan diadakan dan pada kali ini demonstrasi ini telah merebak ke Sik dan Kulim (Ling, 2015).

Tunjuk perasaan besar-besaran oleh penduduk kampung yang terdiri daripada penoreh getah dan petani adalah kerana kehidupan mereka sebagai penduduk kampung telah terjejas dengan teruk akibat daripada inflasi dan kejatuhan harga getah. Pada masa yang sama, musim hujan yang berterusan juga telah menyebabkan mereka tidak dapat keluar menoreh atau melakukan pekerjaan lain sehingga menyebabkan mereka mengalami kekurangan wang untuk membeli makanan. Peristiwa ini telah dikenali sebagai “Peristiwa Baling 1974” (Ling, 2015).

Peristiwa ini telah membuka peluang yang lebih besar kepada PKM untuk memburuk-burukkan pihak kerajaan. Anasir-anasir komunis telah menyusup dalam kalangan penduduk kampung di Baling dan Sik dan cuba untuk menghasut mereka bangun menentang kerajaan melalui perjuangan revolusi rakyat. Komunis telah mendakwa bahawa kerajaanlah yang menjadi

punca kepada berlakunya kemiskinan dan penderitaan para penduduk kampung terbabit merupakan bukti yang nyata bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rancangan Malaysia Kedua (RMK-2) hanya bertujuan untuk memenuhi kepentingan golongan kapitalis dan imperialis sahaja. Bertitik tolak daripada peristiwa itu, para pelajar dari pusat-pusat pengajian tinggi di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, dan Ipoh yang terpengaruh dengan dakyah komunis tersebut telah melancarkan demonstrasi menyokong tindakan penduduk Baling tersebut serta mendesak pihak kerajaan agar menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk miskin di luar bandar (Ling, 2015).

Peristiwa-peristiwa di atas telah membuktikan bahawa kegiatan propaganda yang dilakukan oleh komunis sememangnya memberi impak kepada perjuangannya. Hal ini kerana propaganda-propaganda yang dekat dengan masyarakat akan menyebabkan mereka mudah untuk mengawal fikiran masyarakat dan seterusnya situasi ini akan dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh PKM untuk menjatuhkan kerajaan. Walau bagaimanapun, kejayaan PKM untuk menghasut penduduk Baling bangkit melakukan revolusi menentang kerajaan akhirnya telah menemui kegagalan disebabkan oleh kecekapan pihak kerajaan mengawal keadaan (Ling, 2015). Di samping itu, kepantasan pasukan keselamatan melakukan tangkapan demi tangkapan terhadap dalang sebenar yang menghasut para penunjuk perasaan juga telah berjaya mengawal perkara ini daripada merebak menjadi lebih serius.

USAHA PEMBANTERASAN KOMUNIS DI DAERAH SIK DAN BALING

Program Pendaftaran Kebangsaan

Usaha kerajaan untuk membasmi komunis di daerah Sik dan Baling dalam peringkat ialah dengan mengadakan program pendaftaran kebangsaan dan pengenalan penggunaan kad pengenalan. Program ini telah dijalankan semasa Sir Alec Newbould menjadi Persuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Perlaksanaan dasar pendaftaran kebangsaan ini telah dimaklumkan kepada orang ramai melalui siaran radio oleh beliau sendiri pada hari Khamis, 22 Julai 1948. Dalam siaran tersebut, beliau telah menjelaskan bahawa perlaksanaan dasar tersebut adalah bertujuan melindungi penduduk Persekutuan Tanah Melayu dan bagi membantu pihak tentera serta polis untuk membezakan penduduk awam yang mematuhi undang-undang dengan pengganas komunis. Sebenarnya, dasar pendaftaran kebangsaan ini adalah hasil idea Dr. Ong Chong Keng iaitu salah seorang ahli Majlis Perundangan Persekutuan dari Pulau Pinang. Langkah pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan mula dikuatkuasakan secara rasmi pada 23 Julai 1948 (Ling, 2006).

Pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu telah dilaksanakan di bawah *The Emergency (Registration of Residents) Regulations 1948* dan seiring dengan itu, pihak kerajaan turut meluluskan undang-undang *The Emergency (Registration of Area) Regulation 1948*. Di bawah peraturan tersebut, setiap penduduk di Persekutuan Tanah Melayu sama ada lelaki atau wanita tanpa mengira umur wajib mendaftarkan diri dengan pihak berkuasa. Mereka yang telah berdaftar akan diberikan sekeping kad pengenalan yang lengkap bercop ibu jari tangan masing-masing. Kad pengenalan tersebut juga akan mengandungi foto, nama penuh pemilik, bangsa, bahasa atau dialek yang digunakan oleh pemilik, tempat lahir pemilik, pekerjaan, dan tempat tinggal pemilik. Setiap

individu yang telah memiliki kad pengenalan perlu membawa kad pengenalan masing-masing ke mana sahaja termasuk semasa pergi ke tempat kerja sama ada di sawah padi atau ladang getah (Ling, 2006).

Di daerah Sik, pendaftaran kebangsaan telah mula dikuatkuasakan pada tanggal 25 Ogos 1948 di bawah *The Emergency (Registration of Area) Regulations 1948*. Negeri Kedah telah dibahagikan kepada beberapa buah kawasan pendaftaran mengikut daerah dan ianya dilaksanakan secara serentak pada tarikh tersebut. Di setiap terdapat pusat pendaftaran masing-masing bagi melicinkan urusan pendaftaran dan di daerah Sik pusat pendaftarannya terletak di Pekan Lama Sik yang kini telah dirobohkan dan berpindah ke Pekan Baru Sik Pendaftaran kebangsaan di Kedah yang berakhir pada 11 Disember 1948 telah dilanjutkan sehingga 10 Februari 1949 seperti yang telah diumumkan oleh Haji Mohamed Shariff bin Osman iaitu Menteri Besar Kedah pada ketika itu. Hal ini disebabkan oleh kesukaran perhubungan dan perjalanan dari satu tempat ke tempat lain yang merupakan satu perkara biasa pada masa tersebut (Ling, 2006).

Langkah pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan ini telah banyak membantu pihak keselamatan untuk memantau keselamatan orang awam daripada ancaman komunis. Pihak keselamatan juga berupaya untuk membezakan antara orang awam dengan komunis berdasarkan kad pengenalan yang dimiliki. Tambahan pula, kedudukan daerah Sik dan Baling yang bersempadanan dengan Thailand telah menjadikan penggunaan kad pengenalan ini begitu penting. Hal ini kerana dengan memiliki kad pengenalan, di samping dapat membezakan antara orang awam dengan pengganas komunis, pasukan keselamatan juga dapat membezakan seseorang individu tersebut merupakan rakyat Persekutuan Tanah Melayu ataupun rakyat Thailand (Ling, 2006).

Jadual 2

Kawasan Pendaftaran Kebangsaan di Kedah Mengikut Daerah

Negeri	Daerah
Kedah	Baling
	Kuala Muda
	Kota Setar
	Kubang Pasu
	Langkawi
	Padang Terap
	Sik
	Kulim
	Yan
	Bandar Baru
Town Board Kota Setar	

Sumber: Ho Hui Ling. (2015), *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015, hlm. 59-60.

Penubuhan Pasukan Home Guard

Selain itu, kerajaan turut melaksanakan dasar penubuhan pasukan Home Guard. Idea penubuhan pasukan Home Guard telah diperkenalkan oleh Leftenan Jeneral Sir Harold Briggs iaitu Pengarah Operasi Darurat di bawah *Home Guard Regulations 1950* dan *Home Guard Regulations 1951*. Tujuan utama penubuhan pasukan ini adalah bagi membantu pasukan keselamatan untuk mengawal kampung, pekan, dan kawasan petempatan daripada ancaman dan pengaruh komunis. Undang-undang baru yang dikeluarkan ini telah meletakkan pasukan Home Guard di bawah tanggung jawab Menteri Besar dan Persuruhjaya Residen di setiap negeri. Perintis kepada rancangan penubuhan pasukan Home Guard telah dimulakan di 280 buah kampung baru pada tahun 1951. Para anggota Home Guard terdiri daripada penduduk kampung atau penduduk dalam lingkungan kawasan petempatan itu sendiri. Oleh itu, dengan pembentukan pasukan Home Guard ini penduduk-penduduk kampung dan kawasan petempatan yang berkenaan akan dapat melibatkan diri secara aktif dalam menjaga, mengawal, dan melindungi kawasan tempat tinggal mereka daripada ancaman komunis (Yusof, 1980).

Menjelang bulan November 1951, kekuatan pasukan Home Guard di Tanah Melayu adalah seramai 139,829 orang. Negeri Kedah sahaja memiliki kekuatan seramai 32,092 anggota termasuklah anggota Home Guard dari daerah Sik dan Baling (Yusof, 1980). Bagi menggalakan orang awam di daerah Sik untuk menyertai pasukan Home Guard, pada 2 April 1952 pihak kerajaan melalui Ketua Setiausaha Pembendaharaan (AG. *Secretary To The Treasury*) telah mengeluarkan surat pernyataan rasmi yang menyatakan bahawa anggota Home Guard yang mengalami kecederaan ataupun terkorban sewaktu sedang menjalankan tugas akan diberikan pencen berdasarkan undang-undang *Emergency (Auxiliary Police) Personal Injuries) Regulations, 1948* (D.O.S. 6/71). Berikut ialah petikan daripada surat tersebut.

“6. Member of The Auxiliary Police Force or Home Guard:

The widow or dependant of a member of the Auxiliary Police Force or Home Guard who is killed on duty is eligible for a pension under the Emergency (Auxiliary Police) (Personal Injuries) Regulations, 1948. The same Regulations make provision for the payment of injury allowances and pensions to the members of such Forces, who are injured while on duty.

- A. *In the case of death, while on duty, an advance may be made up to \$50 in respect of the funeral expenses and an advance of 90% of one-quarter of the deceased person's normal monthly earnings subject to the proviso that normal earnings will in no case be made monthly reckoned at more than \$600 per month may be made monthly to the widow or dependant in cases of financial hardship.*
- B. *In the cases of injury received while on duty, an advance equal to one-quarter of the injured person's monthly earnings may be paid fortnightly subject to a maximum of \$150 during the period of disablement, if temporary, or until compensation is agreed, if permanent total disablement results.*
- C. *In the cases of death or injury received while not in duty, a lump sum compensation will normally be payable either under the Emergency*

(Civilian Injuries Compensation) Regulations or under Workmen's Compensation and paragraphs 3 or 5 above will apply according to the circumstances of the case.” (H.G.S. 8-1952).

Kewujudan pasukan Home Guard di daerah Sik amat membantu pasukan keselamatan bagi melindungi daerah tersebut daripada ancaman komunis. Hal ini kerana dengan penyertaan ramai penduduk daerah tersebut dalam pasukan Home Guard, mereka telah terlibat aktif dalam usaha pembasmian komunis secara langsung. Hal ini kerana selain daripada menjaga keselamatan dan ketenteraman kawasan petempatan, Home Guard juga diatur untuk memberi perhatian kepada orang asing yang hadir di kampung atau kawasan petempatan penduduk dan kemudiannya melaporkannya kepada pihak polis. Pasukan Home Guard juga turut ditugaskan untuk melindungi perkhidmatan kesihatan di sekolah-sekolah dan bertindak untuk mengawal serta menyekat bahan makanan dan ubat-ubatan daripada jatuh ke tangan komunis. Hal ini membuktikan bahawa betapa besarnya peranan pasukan Home Guard dalam membantu pasukan keselamatan untuk membasmi ancaman dan pengaruh komunis di kawasan masing-masing (Ling, 2006).

Rundingan Baling

Pada tahun 1955, kerajaan Parti Perikatan pimpinan Tunku Abdul Rahman yang baru sahaja memenangi pilihan raya umum pada bulan Julai 1955 telah bersetuju untuk mengadakan pertemuan dengan Chin Peng iaitu Setiausaha Agung PKM bagi membincangkan berkenaan perletakan senjata oleh PKM dan penyerahan diri semua anggota PKM yang sedang berjuang di dalam hutan. Pertemuan ini diadakan berikutan daripada sepucuk surat yang dihantar oleh Chin Peng kepada Tunku untuk menamatkan peperangan ini dengan segera. Tawaran ini telah disambut oleh Tunku yang mewakili kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk menamatkan darurat secepat mungkin demi kesejahteraan rakyat. Berikut ialah kenyataan kerajaan berhubung surat tawaran untuk mengadakan pertemuan oleh Chin Peng berdasarkan yang ditulis oleh Ahmad (1984):

“By 1955, the Party was faced with a new situation. It was influenced by another switch of world Communist tactics, and by the fact that in a short time the Federation would achieve its independence. This independence was being won not by the Communist armed revolution – but by the peaceful negotiations of elected political leaders. Thus the Party would no longer be able to represent itself as the champion and saviour of the Malayan people. It was necessary, therefore, for the Communists to extricate from their embarrassing political position and from their military failure.” (Legislative Council, The Communist Threat to the Federation of Malaya 1959).

Selepas melakukan persediaan yang diperlukan, pada tanggal 28 Disember 1955 hingga 29 Disember 1955 telah berlangsungnya pertemuan enam mata antara Tunku Abdul Rahman (Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu), David Marshall (Ketua Menteri Singapura), dan Tan Cheng Lock (pemimpin MCA dan wakil kaum Cina) dengan wakil-wakil dari PKM iaitu

Chin Peng (Setiausaha Agung PKM), Chen Tien (Ketua Bahagian Propaganda Pusat PKM), dan Rashid Maidin (ahli Politiburo PKM dan wakil orang Melayu dalam PKM). Pertemuan ini telah diadakan di Sekolah Inggeris Baling yang kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra, Baling (Ahmad, 1984).

Namun begitu, pertemuan ini akhirnya telah menemui jalan buntu apabila dalam sesi terakhir Chin Peng selaku Setiausaha Agung PKM masih lagi bertegas enggan menyerah diri dan meletakkan senjata seandainya kerajaan enggan mengiktiraf PKM sebagai sebuah parti politik yang sah dan layak menyertai pilihan raya umum, sedangkan Tunku yang mewakili kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tetap dengan pendiriannya untuk tidak menerima PKM sebagai sebuah parti politik yang sah dan hanya bersedia untuk memberi pengampunan kepada anggota PKM seandainya mereka menyerah diri tanpa syarat (Ahmad, 1984).

Walaupun pertemuan ini telah mengalami kegagalan, tetapi usaha kerajaan untuk menamatkan darurat secepat mungkin demi kesejahteraan rakyat jelas terlihat. Pada masa yang sama, tawaran pertemuan yang dikemukakan oleh Chin Peng telah membuktikan bahawa PKM semakin lemah dalam perjuangan bersenjata dan kejayaan Tunku yang mewakili Parti Perikatan memenangi pilihan raya 1955 telah membuktikan bahawa proses pendemokrasian semakin mekar dalam kalangan rakyat di Tanah Melayu. Pemilihan Baling sebagai kawasan pertemuan telah membuktikan bahawa daerah tersebut merupakan daerah yang penting bagi PKM kerana kekuatannya berpusat di sempadan Baling-Thailand. Di samping itu, peristiwa ini juga membuktikan bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan di daerah Sik dan Baling dalam peringkat pertama telah mula menampilkan hasil apabila pengganas komunis yang bersembunyi di hutan-hutan berhampiran sempadan Thailand mula mengalami tekanan (Ahmad, 1984).

Pembatalan Kebenaran Penubuhan Parti Buruh Malaya Ranting Baling

Pada peringkat kedua iaitu setelah berlakunya kebangkitan semula komunis pada tahun 1968, kerajaan mula mengambil langkah yang lebih tegas dalam membasmi pengaruh komunis di daerah Sik dan Baling. Antara langkah tersebut ialah dengan pembatalan kebenaran penubuhan ranting Parti Buruh Malaya di Baling pada tanggal 4 September 1969 (R.S.M. 159/52-5). Hal ini kerana berdasarkan maklumat risikan, kerajaan mendapati bahawa Parti Buruh Malaya (*Labour Party of Malaya*) telah diresapi oleh pengaruh komunis dan parti tersebut merupakan salah satu komponen utama dalam Barisan Bersatu Komunis (The Malay Mail, 10 November 1968).

Perkara ini terbukti melalui pengakuan beberapa orang pemimpin kanan parti tersebut. Antaranya ialah Kam Yau-Wah iaitu Penolong Setiausaha Agung, Liu Wen Hua juga merupakan Penolong Setiausaha Agung, dan Koh Kay Cham iaitu bekas Pengerusi parti. Selepas ditahan dan disoal-siasat oleh pihak berkuasa, mereka mengakui bahawa parti tersebut sememangnya dikuasai oleh komunis dan terlibat dalam kegiatan subversif komunis di negara ini sejak 13 tahun dahulu (Ling, 2015).

Dengan penarikan semula kebenaran penubuhan ranting Parti Buruh Malaya di daerah Baling, kerajaan sememangnya telah mengambil langkah yang amat tepat. Hal ini kerana seandainya Parti Buruh Malaya yang dikuasai oleh anasir komunis berjaya menubuhkan rantingnya di

Baling, usaha komunis untuk menyusup masuk ke Malaysia akan menjadi bertambah mudah. Risalah-risalah komunis dan buku-buku ajaran Mao juga akan diseludup masuk ke negara ini tanpa kawalan kerana kegiatan ini sememangnya telah dilakukan oleh parti ini sejak 13 tahun lepas. Usaha kerajaan untuk menyekat bekalan makanan, ubat-ubatan, dan keperluan lain daripada jatuh ke tangan komunis di sempadan Thailand juga akan menjadi semakin sukar seandainya Parti Buruh Malaya berjaya bertapak di Baling (Ling, 2015). Berikut merupakan petikan daripada surat pembatalan kebenaran penubuhan Parti Buruh Malaya ranting Baling yang dikeluarkan pada tarikh 4 September 1969.

“Mengikut sekshen-kechil (2) kepada sekshen 13 bagi Act Pertubohan, 1966, maka dengan ini di-beri kenyataan kepada chawangan **Partai Buroh Malaya** yang nama-nya di-sebutkan-di atas ini, bahawa adalah maksud Pendaftar hendak membatalkan kebenaran penubuhan chawangan itu pada **4.10.1969** kechuali sebelum itu di-berikan sebab2 mengapa kebenaran itu tidak patut di-batalkan.

2. Ada pun sebab kebenaran di-batalkan ia-lah kerana chawangan itu telah **tidak wujud lagi**.” (R.S.M. 159/52-5).

Jadual 3

Partai Buroh Malaya Kedah

Ranting	Nombor Pendaftaran (R.S.M)
Baling	159/52-5 (5)
Junjong	159/52-4 (5)
Kulim	159/52-3 (5)

Sumber: Pendaftar Pertubuhan Malaysia, R.S.M. 159/52-5, Partai Buroh Malaya Ranting Baling.

Operasi Ketenteraan

Bagi menghapuskan saki baki komunis yang semakin agresif di sempadan Thailand, kerajaan telah mengaturkan pelbagai strategi bagi membanteras pergerakan komunis dengan melibatkan seluruh unit pasukan keselamatan khususnya pasukan tentera dan Pasukan Polis Hutan (PPH). Strategi yang ditekankan ialah usaha untuk menyekat penyusupan dan kegiatan komunis di kawasan sempadan Malaysia-Thailand, menghapuskan komunis yang berjaya menyusup masuk ke negara ini, dan memusnahkan kem serta markas komunis di hutan belantara berhampiran sempadan Malaysia-Thailand khususnya yang melibatkan sempadan Kedah-Thailand (Ling, 2015).

Dalam melaksanakan tugas melindungi keselamatan negara serta membasmi komunis, pasukan keselamatan yang terlibat terdiri daripada 80 peratus pasukan tentera dan 20 peratus PPH. Gerkan keselamatan telah diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pada masa yang sama, pasukan polis melalui Cawangan Khas/*Special Branch* telah diamanahkan untuk membanteras ancaman subversif komunis. Bantuan daripada pasukan polis dan

Cawangan Khas ini amat penting kerana pasukan tentera dan PPH akan membanteras komunis secara fizikal melalui operasi-operasi di kawasan sempadan, manakal pasukan polis dan Cawangan Khas berperanan untuk membasmi komunis dan anasir-anasirnya dari dalam negara (Ling, 2015).

Antara operasi yang dilaksanakan oleh pasukan keselamatan di daerah Baling bagi menghapuskan pengganas komunis sehingga ke akar umbinya ialah Operasi Sedar yang dilancarkan pada 10 Mac 1972. Operasi ini dilakukan serentak di tiga buah kawasan iaitu di Baling, Kulim, dan Selama. Operasi ini bermula dengan pengenaan *curfew* ataupun disebut sebagai perintah berkurung selama 24 jam di tiga kawasan tersebut. operasi ini dilakukan berikutan pembunuhan tujuh orang komunis di kawasan berkenaan oleh pasukan keselamatan pada 15 Mei 1971 (Ling, 2015). Oleh itu, pihak kerajaan membuat kesimpulan bahawa di kawasan tersebut masih terdapat ramai anggota bersenjata komunis yang masih aktif. Dalam operasi ini, pasukan keselamatan telah menjalankan pengeledahan dari sebuah rumah ke sebuah rumah dan dari sebuah bangunan ke sebuah bangunan bagi mencari tanda-tanda kehadiran komunis di situ (*The Straits Times*, 11 March 1972).

Operasi Gubir 2 yang dilaksanakan oleh pelbagai unit dalam tentera darat pada 20 April 1976 merupakan antara operasi ketenteraan terbesar dalam membasmi ancaman komunis dari sempadan Thailand. Operasi ini berpusat di sempadan daerah Baling-Thailand yang menjadi markas kepada Rejimen Ke-10 PKM yang bermarkas di Weng, Baling. Formasi pasukan tentera yang terlibat adalah seperti berikut:

Jadual 4

Pasukan Tentera yang Terlibat dan Pegawai Pemerintahnya

Pasukan	Pegawai Pemerintah
Markas 2 Divisyen Infantri	Mej Jen Dato' Mahmood Sulaiman
Markas 6 Briged Infantri	Brig Jen Dato' Arul Pragasam
Rejimen Gerak Khas Malaysia	Lt. Kol Hasbullah Bon
Markas Jurutera 2 Divisyen	Lt. Kol Mei York Chee
No. 3 Skuadron Jurutera	Mej Akhbar Khan

Sumber: Portal Rasmi Muzium Tentera Darat Port Dickson

<http://army.mod.gov.my/muziumtd/index.php/menu-styles/opersai-gubir2>

Serangan terhadap kedudukan pengganas komunis bermula pada 16 April 1976 apabila pesawat-pesawat pejuang CL-41G Tebuan dari No.6 Skuadron dan pesawat-pesawat pejuang F5E TigerII dari No.12 Skuadron Tentera Udara Diraja Malaysia telah melakukan serangan udara dengan mengebom kawasan hutan di sempadan Baling-Thailand. Walau bagaimanapun, serangan udara ini tidak memberi kesan yang memuaskan apabila pengganas komunis telah berjaya melarikan diri ke Thailand melalui terowong-terowong merentasi gunung yang dibina oleh mereka (*The Straits Times*, 11 March 1972).

Selepas selesai melakukan serangan udara, pasukan Rejimen Gerak Khas (RGK) telah diturunkan melalui helikopter Nuri bagi melakukan serangan darat serta pembersihan kawasan serangan daripada penguasaan saki-baki pengganas komunis. Walau bagaimanapun, sewaktu proses penurunan anggota RGK sedang dilakukan, pengganas komunis telah mengambil kesempatan dengan melancarkan serang hendap terhadap pasukan tentera dengan menggunakan senjata api automatik dan pelancar grenad. Berlaku pertempuran antara anggota RGK dengan pengganas komunis selama setengah jam yang mengorbankan 11 orang anggota RGK, manakala di pihak komunis pula seramai 22 orang anggotanya telah berjaya ditembak mati (*The Straits Times*, 11 March 1972).

Pada 25 April 1976, pasukan tentera telah mengerahkan Rejimen Jurutera untuk melakukan operasi pembersihan dan memusnahkan terowong-terowong rahsia yang digunakan oleh pengganas komunis untuk menyusup masuk dari Thailand ke Malaysia. Misi ini telah digalas oleh Skuadron 3, Rejimen Jurutera Diraja. Walau bagaimanapun, pelaksanaan misi ini telah memakan korban seorang anggota tentera iaitu L/Kpl Abdullah apabila beliau telah terpijak jerangkap samar yang dipasang oleh pengganas komunis sebelum ini. Beliau telah mengalami kecederaan yang amat parah di dada apabila serpihan jerangkap samar tersebut telah menusuk ke dada beliau sewaktu letupan berlaku (*The Straits Times*, 11 March 1972).

Gambar 2

Terowong Komunis di Weng, Baling



Pada tanggal 26 April 1976, telah berlaku satu tragedi yang amat memilukan dan merupakan antara detik hitam yang terpahat dalam sejarah negara apabila sebuah helikopter Nuri yang mengangkut anggota tentera tambahan, bekalan makanan, senjata, dan peluru telah ditembak jatuh oleh pengganas komunis di kawasan hutan berdekatan Gubir. Seramai 11 orang anggota tentera pelbagai pangkat yang menaiki helikopter malang tersebut telah terkorban. Anggota-anggota terbabit ialah Lt (U) Chung Ming Teck PTU, No. 10 Skuadron, Kapten pesawat, Lt (U) Wan Munsiff bin Wan Salim KPK, No. 10 Skuadron, Co-pilot, Sjn Leong Yee Heng PTU, No. 10 Skuadron, AQM, Kapt (U) Choo Yeok Boo PGB, No. 7 Skuadron (Kapten), Kapt (U) Mustapha Kamal bin Mohamad Shafie KPK, No. 7 Skuadron (Co-pilot), Mej Haris bin Rejab, MMLO Haadyai, Kapt Sulaiman bin Abdullah, 6 Briged Infantri, Lt Ibrahim bin Zakaria, Batalion ke-3 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Sjn Kamis bin Dolmat, Batalion ke-3 RAMD, L/Kpl Kamarulzaman bin Zakaria, X Skuadron Rejimen Gerakhas (RGK), dan L/Kpl Suandi bin Saim, X Skuadron RGK (Puspawangsa, 2012).

Pada tanggal 3 Mei 1976, seramai 16 orang anggota RGK yang diketuai oleh Lt. M. Aziz telah berjaya keluar dari kepungan lebih 60 orang pengganas komunis yang mengepung dan memburu mereka sejak 27 April 1976 lagi. Para anggota RGK yang terkepung oleh pengganas komunis ini pada asalnya berada dalam misi melindungi askar jurutera yang terlibat dalam operasi meletupkan terowong-terowong milik komunis. Walaupun mereka berada dalam keadaan lemah akibat keletihan dan hampir mengalami kebuluran akibat kekurangan makanan, kejayaan anggota RGK melepaskan diri daripada kepungan dan buruan pengganas komunis yang berkali ganda besar jumlahnya telah memberi tamparan yang hebat kepada pengganas komunis yang terbabit. Operasi-operasi yang dilaksanakan oleh pasukan keselamatan tersebut telah membuktikan bahawa kerajaan dan pasukan keselamatan benar-benar menjalankan tanggungjawab dalam membasmi ancaman komunis khususnya di daerah Baling dan secara tidak langsung daerah Sik yang terletak bersebelahan Baling juga akan terselamat daripada ancaman komunis (Portal Rasmi Muzium Tentera Darat Port Dickson, 2 April 2016).

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh komunis di daerah Sik dan Baling, Kedah dari tahun 1948 hingga 1989. Hasil kajian menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia berjaya mengawal ancaman komunis di daerah tersebut. Kejayaan ini diperkuat oleh penandatanganan Perjanjian Damai Hatyai pada tahun 1989, di mana komunis bersetuju untuk menghentikan perjuangan bersenjata. Perjanjian damai ini memberikan keyakinan kepada penduduk tempatan tentang keupayaan kerajaan dalam menjaga keselamatan mereka, serta memperkuat kepercayaan dan kesetiaan mereka kepada kerajaan. Oleh itu, kajian ini memberikan pemahaman yang lebih baik tentang pengaruh komunis di daerah Sik dan Baling, Kedah, serta menggambarkan kejayaan kerajaan dalam mengatasi ancaman tersebut. Malah dapat dilihat dengan jelas bahawa Kerajaan Malaysia bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan penduduk di Malaysia terutama di Baling dan Sik, Kedah daripada ancaman komunis.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan telah memberi hasil yang amat positif dalam menangani masalah komunis khususnya ancaman komunis di kedua-dua daerah tersebut.

Sebaliknya, kegagalan demi kegagalan yang dihadapi oleh PKM semakin melemahkan kedudukannya dan kelemahan ini semakin terserlah menjelang tahun 1980-an. Situasi yang tidak lagi memihak kepadanya telah menyebabkan PKM tidak memiliki pilihan lain lagi selain daripada terpaksa bersetuju untuk berdamai dengan kerajaan dan menghentikan perjuangan bersenjata mereka yang sia-sia itu. Akhirnya, pada 2 Disember 1989 tercatatlah satu lembaran baru dalam sejarah negara apabila PKM telah menandatangani perjanjian damai dengan kerajaan Malaysia dan Thailand serta bersetuju untuk meletakkan perjuangan bersenjata mereka yang telah berlangsung selama 41 tahun.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

RUJUKAN

- Abdullah. I. (2014). *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Ahmad, A. T. (2008). State Museums and Their Representations of the Past in Malaysia. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 45-70.
- Ahmad, R.H. (1984). Perjumpaan Baling 1955 dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (ed.), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- Asli, M.R.H. (2008). *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blythe, W. (1969). *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Colonial Office. 825/74/4/55404/3, *Monthly Political Reports From Federation of Malaya*.
- Gungwu, W. (1970). Chinese politics in Malaya. *The China Quarterly* 43: 1-30.
- H.G.S. 8-1952. (1948). The Treasury Federal of Malaya, , Part II-Widow's Pension Awarded Under the Emergency (Aux. Police Personal Injuries) Regulations 1948.
- Hack, K. (2008). The Long March to Peace of the Malayan Communist Party in Southern Thailand. *Thai South and Malay North: Ethnic Interactions on a Plural Peninsula*.
- Hack, K. (2013). *Defence and Decolonisation in South-East Asia: Britain, Malaya and Singapore 1941-1967*. Routledge.
- Yusoff. H. (1980). Home Guard Memainkan Peranan Penting Dalam Masa Darurat Pertama. *Sinar Zaman* IX (97): 28.
- Hamzah. R. (1973). Parti Komunis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 3(4): 57-70.
- Ismail, N. & Zakariah, M.H. (2021). Reaksi Anggota Parti Komunis Malaya (PKM) Terhadap Darurat di Tanah Melayu, 1948-1960: Penelitian Terhadap Memoir-Memoir Anggota PKM Terpilih. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 48(3): 43-67.
- Kheng, C. B. (2012). *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941-1946*. NUS Press.

- Legislative Council. (1959). *The Communist Threat to the Federation of Malaya*, Kuala Lumpur: Government Press.
- Lucian, W. Pye. (2015). *Guerilla Communism in Malaya*, Washington: Princeton Legacy Library.
- Ling, H. H. (2004). *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ling, H. H. (2006). Pendaftaran Kebangsaan dan Penggunaan Kad Pengenalan: Usaha Kerajaan Dalam Menangani Masalah Komunis di Tanah Melayu Pada Zaman Darurat dan Reaksi Komunis. *Malaysia dari Segi Sejarah* 34: 105.
- Ling, H. H. (2012). Strategies of the Communist Movement and the Malayan Communist Party (MCP), 1920-1989. *SARJANA* 27(2): 61-78.
- Ling, H. H. (2015). Gerakan Komunis dan PKM: Penelitian terhadap Usaha Komunis Mempengaruhi Orang Melayu 1920-1989. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 8(1): 63-92.
- Ling, H. H. (2015). Kebangkitan Parti Komunis Malaya (PKM), 1968-1989: Penelitian Terhadap Kegiatan Komunis Di Semenanjung Malaysia. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 42(1): 23-56.
- Ling, H. H. (2015). *Pergerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya, 1968-1989, Kebangkitan Semula dan Penumpasannya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ling, H. H. (2023). Persaingan Kuasa antara Komunis dengan Kerajaan di Tanah Melayu, 1948-1960. *SEJARAH: Journal of the Department of History* 32(1), 85-110.
- Temu bual bersama Abdul Kassim bin Salleh yang berusia 71 tahun di kediamannya di Kampung Asam Jawa, Mukim Pulau, Baling, pada 26 Januari 2016.
- Temu bual bersama Ah Que di Pekan Batu Lima, Sik pada 21 Disember 2015.
- Temu bual bersama Cheng Hao Yi di Pekan Kuala Ketil, Baling pada 16 Jun 2015.
- Temu bual bersama Huang Siong Feng yang berumur 74 tahun di rumahnya di Pekan Lama Baling pada 14 Disember 2015.
- Temu bual bersama Ismail bin Yaakob di kediamannya di Kg. Selamat, Sik pada 22 Mac 2016.
- Temu bual bersama Kadir bin Che Hid@Tok Che Kadir yang berusia 68 tahun dan pernah menjadi anggota Home Guard di rumahnya di Kampung Sri Belukar, Mukim Teloi, Sik, pada 24 Januari 2016.
- Temu bual bersama Teck Kian yang merupakan seorang bekas gerila komunis yang kemudiannya menyertai unit Special Operational Volunteer Force (SOVF) selepas menyerah diri kepada pasukan keselamatan akibat kebuluran di Pekan Batu Lima, Sik pada 16 Februari 2016.
- Teh, W. H. W. (1960). Peranan Orang Melayu Dalam Gerakan Anti-Jepun. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 24: 101-108.
- The Malay Mail. (1968). 10 November 1968
- Pejabat Daerah Sik, Kedah, D.O.S. 6/71, Government Servants and the Home Guard.
- Portal Rasmi Majlis Daerah Baling, <http://www.mdsik.gov.my/sejarah-baling>, diakses pada 6 Disember 2015.
- Puspawangsa. (2012). Majalah Arkib Negara Malaysia, Edisi Ke-9, Bil. 1/2012.
- Portal Rasmi Muzium Tentera Darat Port Dickson, <http://army.mod.gov.my/muziumtd/index.php/menu-styles/monumen-kroh>, diakses pada 17 Januari 2016.
- R.S.M. 159/52-5, *Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Partai Buroh Malaya Ranting Baling*.
- Selden, K. I., & Selden, M. (2015). *The Atomic Bomb: Voices from Hiroshima and Nagasaki: Voices from Hiroshima and Nagasaki*. Routledge.

- Yong, C. F. (1991). Origins and development of the Malayan Communist Movement, 1919–1930. *Modern Asian Studies* 25(4): 625-648.
- Wetzler, P. (1998). *Hirohito and War: Imperial Tradition and Military Decision Making in Prewar Japan*. University of Hawaii Press.